

Anjuran Bersama:



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



ديوان بهاس دان فوستاكة
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia



Dengan Kerjasama:



THE MALAYSIAN
INSURANCE INSTITUTE

KURSUS BAHASA MELAYU BERAKREDITASI SEKTOR PERKHIDMATAN KEWANGAN

Tingkatkan Prestasi Kerjaya dengan Menguasai Bahasa Melayu

PENGENALAN

Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu digunakan secara meluas dalam organisasi kerajaan dan sistem pendidikan. Kursus ini memberi anda peluang untuk mempunyai kelebihan dalam kerjaya, terutamanya setelah anda mempunyai penguasaan bahasa kebangsaan yang mantap dalam penggunaan istilah-istilah yang berkaitan dengan sektor perkhidmatan kewangan.

Kursus Bahasa Melayu Berakreditasi Sektor Perkhidmatan Kewangan ialah kursus bersijil yang dianjurkan bersama oleh Bank Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Asian Banking School (ABS), dengan kerjasama Asian Institute of Chartered Bankers dan The Malaysian Insurance Institute. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan kemahiran berbahasa dan mutu penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi sektor swasta, khususnya sektor perkhidmatan kewangan.

Oleh itu, kursus ini diharap dapat menampilkan citra bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, terutamanya dalam urusan penyediaan dokumen rasmi, komunikasi lisan dengan pelanggan serta kemahiran asas dalam penterjemahan.

Pendekatan kursus yang digunakan oleh penceramah ialah syarahan, amali dan penilaian.

KUMPULAN SASAR

Termasuk warga sektor perbankan dan kewangan, syarikat insurans dan pengendali takaful serta penterjemah bebas yang ingin meningkatkan kemahiran berbahasa dan mutu penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi sektor perkhidmatan kewangan.

SUKATAN KURSUS

Kursus ini merangkumi tiga modul:

MODUL I : PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM PENULISAN RASMI

MODUL II : PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM KOMUNIKASI LISAN

MODUL III : PENGENALAN KEPADA PENTERJEMAHAN

MODUL I : PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM PENULISAN RASMI

Objektif:

Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berbahasa kebangsaan warga sektor perkhidmatan kewangan dan peserta kursus yang lain dalam penyediaan dokumen rasmi seperti surat dan laporan. Penguasaan ilmu bahasa Melayu dan pendedahan kepada sistem bahasa baku dapat menghasilkan komunikasi yang bermutu tinggi dan berkesan.

Sukatan Modul I:

- *Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Melayu*
- *Tatabahasa Bahasa Melayu*
- *Penulisan Dokumen Rasmi*
- *Penyuntingan Dokumen Rasmi*

MODUL II : PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM KOMUNIKASI LISAN

Objektif:

Untuk meningkatkan kemahiran dan keterampilan berbahasa kebangsaan warga sektor perkhidmatan kewangan dan peserta kursus yang lain supaya dapat berkomunikasi dengan pelanggan secara berkesan, melalui penguasaan ilmu bahasa Melayu dan pendedahan kepada sistem bahasa baku yang bermutu tinggi.

Sukatan Modul II:

- *Keterampilan Berbahasa untuk Komunikasi Berkesan*
 - *Bahasa sebagai satu sistem*
 - *Peranan bahasa sebagai alat komunikasi utama*
 - *Bahasa sebagai satu wacana*
 - *Sistem sebutan bahasa Melayu*
 - *Tatabahasa amali untuk komunikasi berkesan*
 - *Gaya bahasa, etika dan seni berbahasa untuk komunikasi berkesan*
- *Kesantunan Berbahasa*
 - *Pengenalan kepada kesantunan berbahasa*
 - *Aspek sapaan dalam komunikasi*
 - *Aspek keterampilan berbahasa dalam komunikasi lisan (bahasa badan, suara dan imej diri)*

MODUL III : PENGENALAN KEPADA PENTERJEMAHAN

Objektif:

Untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran warga sektor perkhidmatan kewangan dan peserta kursus yang lain dalam menghasilkan teks terjemahan dokumen rasmi yang bermutu tinggi dan berkesan dalam bahasa Melayu. Peserta hendaklah mampu memahami dokumen sumber dalam bahasa Inggeris dan mempunyai pengetahuan asas dalam bidang perbankan dan kewangan.

Sukatan Modul III:

- *Asas Teori Penterjemahan*
- *Proses Penterjemahan*
- *Kaedah Penterjemahan*
- *Teknik Penterjemahan*

MAKLUMAT KURSUS DAN PENILAIAN

SYARAT-SYARAT

- Peserta disarankan menghadiri Modul I: Penggunaan Bahasa Melayu dalam Penulisan Rasmi dan Modul II: Penggunaan Bahasa Melayu dalam Komunikasi Lisan sebelum menghadiri Modul III: Pengenalan kepada Penterjemahan.
- Pengecualian untuk kursus Modul III diberikan kepada peserta yang telah mengikuti kursus anjuran Institut Terjemahan & Buku Malaysia, Persatuan Penterjemah Malaysia atau Kursus Bahasa anjuran DBP.
- Sijil Kursus Bahasa Melayu Berakreditasi Sektor Perkhidmatan Kewangan akan dianugerahkan kepada peserta yang lulus ketiga-tiga ujian modul yang ditetapkan.
- Peserta perlu menghadiri modul dan/atau lulus ketiga-tiga ujian modul yang ditetapkan dalam tempoh tiga tahun.

FORMAT PENILAIAN KURSUS

MODUL	FORMAT PENILAIAN
Modul I: Penggunaan Bahasa Melayu dalam Penulisan Rasmi	Ujian Bertulis
Modul II: Penggunaan Bahasa Melayu dalam Komunikasi Lisan	Ujian Bertulis
	Ujian Lisan
Modul III: Pengenalan kepada Penterjemahan	Ujian Bertulis

TARIKH KURSUS DAN UJIAN

MODUL I: PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM PENULISAN RASMI

KURSUS	UJIAN
Tarikh : 15 – 17 Julai 2019 Tempoh : 3 hari Masa : 9.00 pagi – 5.30 petang	Tarikh: 18 Julai 2019 Kertas 1 (Objektif): 9.00 pagi – 10.00 pagi Kertas 2 (Subjektif): 10.30 pagi – 12.30 tengah hari

MODUL II: PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM KOMUNIKASI LISAN

KURSUS	UJIAN
Tarikh : 17 – 19 September 2019 Tempoh : 3 hari Masa : 9.00 pagi – 5.30 petang	Tarikh: 20 September 2019 Bahagian 1 (Ujian Bertulis): 9.00 pagi – 10.30 pagi Bahagian 2 (Ujian Lisan): 10 minit setiap peserta

MODUL III: PENGENALAN KEPADA PENTERJEMAHAN

KURSUS	UJIAN
Tarikh : 18 - 20 November 2019 Tempoh : 3 hari Masa : 9.00 pagi – 5.30 petang	Tarikh: 21 November 2019 Ujian Bertulis: 9.00 pagi – 12.30 tengah hari

PENCERAMAH KBM 2019

MODUL I

DR. AZIZUL BIN HAJI ISMAIL

Merupakan Ketua Bahagian Ensiklopedia, Jabatan Pembinaan Bahasa dan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran Falsafah (PhD) dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau pernah berkhidmat di beberapa bahagian di DBP seperti Bahagian Pengembangan Bahasa Sektor Swasta, Bahagian Peristilahan, Bahagian Penyelidikan Bahasa dan Akademi DBP. Berdasarkan pengalaman dan kepakaran beliau sebagai Munshi Dewan (Bahasa), beliau sering diundang menjadi hakim pertandingan debat dan pidato, dan penceramah kursus-kursus bahasa kepada jabatan-jabatan kerajaan serta pihak berkuasa tempatan. Selain itu, beliau juga pernah mengendalikan ruangan Santun Berbahasa di radio BERNAMA.

MODUL II

PROF. MADYA DR. SALINAH BINTI JA'AFAR

Merupakan Pensyarah di Jabatan Linguistik, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beliau juga berkelulusan Ijazah Kedoktoran Falsafah (PhD) dalam bidang linguistik dari universiti yang sama. Dr. Salinah terlibat aktif dalam Persatuan Penterjemah Malaysia dan Persatuan Bahasa Moden. Beliau sering diundang menyampaikan ceramah berkaitan Bahasa kepada pelbagai jabatan kerajaan dan syarikat. Selain itu, beliau banyak membentangkan kertas kerja dalam pelbagai seminar di dalam dan di luar negara.

MODUL III

ENCIK AMIR BIN MUSLIM

Merupakan penterjemah bebas dan pengajar Kursus Penterjemahan Am di Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa dan berpengalaman luas dalam bidang penterjemahan. Pernah berkhidmat sebagai Pegawai Perancang Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka sebelum menjadi Subeditor Meja Luar Negara, akhbar Harian Metro, dan kemudiannya sebagai Editor Kanan di Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd (kini ITBM). Antara anugerah yang diterima ialah Anugerah Karya Terjemahan PPM-MBf 1995, Anugerah Buku Terpilih Malaysia 2007 dan Anugerah Terjemahan Negara ITBM-PPM 2012. Beliau banyak menterjemah laporan tahunan, dokumen penting kerajaan dan dasar kerajaan. Selain menjadi penyunting, beliau juga merupakan seorang penulis dan penyusun kamus.

YURAN

YURAN KURSUS DAN UJIAN*

RM 1,300*
setiap modul

Nota:
Yuran termasuk bahan kursus, ujian dan makan minum.

*Yuran tertakluk pada cukai perkhidmatan (6%).

YURAN UJIAN*

RM 200*
setiap modul

Nota:
Yuran di atas adalah untuk peserta yang mengambil ujian sahaja kerana telah mengikuti kursus pada sesi terdahulu atau mendapat pengecualian daripada menghadiri kursus.

*Yuran tertakluk pada cukai perkhidmatan (6%).

PENDAFTARAN

Borang pendaftaran hendaklah dilengkapkan dan dihantarkan secara dalam talian kepada:

ABS : training@asianbankingschool.com
No. Telefon : 03 2742 7822

Tarikh tutup pendaftaran untuk setiap modul: Satu minggu sebelum tarikh kursus.

NOTIS PEMBATALAN PENYERTAAN

- Yuran penyertaan tidak akan dikembalikan sekiranya notis pembatalan diterima selepas tarikh tutup kursus.
- Sekiranya peserta tidak dapat menghadiri kursus yang telah didaftarkan, tempatnya boleh digantikan oleh kakitangan lain. Walau bagaimanapun, pihak ABS perlu menerima borang pendaftaran peserta ganti selewat-lewatnya sehari sebelum tarikh kursus.

Nota:

- Semua modul akan diadakan di Asian Banking School, Tingkat 12, Menara NU 2, Jalan Tun Sambanthan, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.
- Sebarang perubahan lokasi akan dimaklumkan kepada peserta melalui e-mel dan/atau panggilan telefon.

BORANG PENDAFTARAN

Kursus Bahasa Melayu Berakreditasi Sektor Perkhidmatan Kewangan

Untuk peserta yang menghadiri kursus dan ujian, sila tandakan (✓) pada ruang yang berkenaan:

- Modul I: Penggunaan Bahasa Melayu dalam Penulisan Rasmi, 15 – 18 Julai 2019
 Modul II: Penggunaan Bahasa Melayu dalam Komunikasi Lisan, 17 – 20 September 2019
 Modul III: Pengenalan kepada Penterjemahan, 18 – 21 November 2019

Untuk calon yang mengulangi ujian atau yang menduduki ujian tanpa menghadiri kursus, sila tandakan (✓) pada ruang yang berkenaan:

- Ujian Modul I: Penggunaan Bahasa Melayu dalam Penulisan Rasmi, 18 Julai 2019
 Ujian Modul II: Penggunaan Bahasa Melayu dalam Komunikasi Lisan, 20 September 2019
 Ujian Modul III: Pengenalan kepada Penterjemahan, 21 November 2019
 Memohon pengecualian daripada menghadiri kursus Modul III

PESERTA 1

Nama (seperti dalam Kad Pengenalan)														
No. Kad Pengenalan														
Jawatan dan Jabatan														
E-mel							No. Telefon				Faks			

PESERTA 2

Nama (seperti dalam Kad Pengenalan)														
No. Kad Pengenalan														
Jawatan dan Jabatan														
E-mel							No. Telefon				Faks			

MAKLUMAT PENYELARAS

Nama														
Organisasi														
Alamat Organisasi														
E-mel							No. Telefon				Faks			

Pembayaran (perlu dijelaskan sebelum tarikh tutup pendaftaran)

Pembayaran melalui STF Kredit, Cek, Pemindahan Telegraf atau Kad Kredit/Kad Debit

- Saya membenarkan "STF Kredit" ditolak/digunakan untuk membayar yuran kursus/ujian berjumlah RM
- Dilampirkan resit "Pemindahan Telegraf". Maklumat akaun ABS adalah seperti yang berikut

Bayaran kepada:	Asian Banking School Sdn Bhd	No. Akaun : 5-14084-588684
Nama Bank:	Malayan Banking Berhad (Cawangan Bukit Bintang)	Kod Swift : MBBEMYKLXXX
Alamat Bank:	42-2, Tingkat Bawah dan Tingkat Satu, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur	

- Saya membenarkan ABS untuk mendebitkan kad kredit saya, 'Master Card/Visa Card'* berjumlah RM (*potong mana yang tidak berkenaan)

No. Kad Kredit														Tarikh Luput Kad			/		
Pemegang Kad													Tandatangan						

(seperti tandatangan pada kad)

KETUA JABATAN/PENGARAH SUMBER MANUSIA/ BAHAGIAN LATIHAN

*Tandatangan													Cap Organisasi					
Nama																		
Jawatan																		

*Untuk Institusi GP4 sahaja - Kami, dengan ini membenarkan ABS menolak jumlah yang tertera di atas daripada baki kredit STF jika jumlah tersebut tidak dibayar pada tarikh yang ditetapkan/pada tarikh kursus.

UNTUK KEGUNAAN ABS SAHAJA

Pengesahan penganjur:

No. Invois												
Tandatangan												
Nama												
Tarikh												

Pengesahan Jabatan Akaun:

Baki STF Kredit mencukupi (Sila tanda "✓"):

- Ya, baki akaun STF Kredit mencukupi
 Tidak, baki akaun STF Kredit tidak mencukupi

No. Rujukan													Nama					
No. Resit													Tarikh					

Tandatangan

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Asian Banking School

Tingkat 12, Menara NU 2, Jalan Tun Sambanthan,
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel. : +603-2742 7822

E-mel : training@asianbankingschool.com

Laman Sesawang: www.asianbankingschool.com

 Asian Banking School

 Asian Banking School (ABS)